



BEBERAPA buah rumah dinaiki air selepas limpahan air Sungai Pengkalan akibat hujan lebat di Kampung Pengkalan, Alor Gajah, Melaka, semalam.

385 penduduk daripada 99 keluarga dipindahkan

ALOR GAJAH 6 Feb. - Seramai 385 penduduk membabitkan 99 buah keluarga di sekitar kawasan ini terpaksa dipindahkan ke lima pusat pemindahan akibat banjir ekoran hujan lebat sejak malam semalam.

Lima pusat pemindahan yang dibuka setakat pukul empat petang ini ialah di Surau Bukit Tambun, Balai Raya Bukit Balai, Balai Raya Gadek, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Pengkalan dan Surau Sri Cahaya.

Jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri berkata, dua keluarga ditempatkan di Surau Bukit Tambun, lima keluarga di Balai Raya Bukit Balai, 19 keluarga di Balai Raya Gadek, 69 keluarga di SMK Seri Pengkalan dan empat keluarga di Surau Sri Cahaya di Durian Tunggal.

"Kesemua mangsa dipindahkan dari kediaman mereka dibantu pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan Majlis Perbandaran

Alor Gajah (MPAG) selain penduduk kampung.

"Pemindahan bermula kira-kira pukul 6 pagi semalam, selepas rumah mereka dinaiki air dengan cepat dan jumlah mangsa yang dipindahkan direkodkan dari semasa ke semasa ekoran berlaku perubahan.

"Dua lagi pusat pemindahan iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Belimbing Dalam dan SK Ganun kini dalam persediaan jika ada penduduk yang akan dipindahkan," katanya.